

Bazaria Wangsa Maju melimpah

BAZARIA Wangsa Maju, juga dikenali sebagai bazar larut malam atau uptown, terkenal bukan sahaja dalam kalangan warga kota tetapi pelancong luar. Ia beroperasi di sebuah tapak di kawasan Taman Setapak Indah dan Taman Danau Kota, Setapak, dalam Parlimen Wangsa Maju.

Asalnya ia beroperasi di Taman Danau Kota sebelum berpindah ke kawasan sekarang. Ini berikutan rungutan penduduk yang sejak sekian lama terpaksa berhadapan masalah kesesakan dari petang hingga awal pagi setiap hari bazar beroperasi.

Operasi di tapak sekarang juga menyebabkan berlaku kesesakan jalan di sekitar. Apa pun, lokasi ini juga bersifat sementara. Bazar ini dijangka berpindah ke lokasi tetap di Jalan Genting Klang tidak lama lagi. Pembinaan kompleks bazaria moden dan serba lengkap dengan pelbagai kemudahan kini rancak berjalan.

Bazar yang pada awal kehadiran hanya menjual pelbagai barangan keperluan

kering seperti baju, seluar, kasut, cermin mata, tali pinggang dan pelbagai keperluan lain, kini menjual makanan dan minuman. Pendek kata sudah seperti pasar malam di tempat lain.

Daripada pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, bazaria ini sudah melimpah ke bahu jalan di sekitar. Ramai peniaga muncul mendirikan gerai menjual makanan dan minuman. Jumlahnya nampak makin bertambah, menambah sesak jalan yang memang sesak.

Jika peniaga di dalam kawasan bazaria adalah berdaftar dan perlu membayar lesen kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kawan-kawan Kedai Kopi tidak pasti apa status peniaga di luar kawasan bazaria.

Adakah para peniaga ini berlesen? Atau adakah mereka mendirikan gerai sesuka hati demi menarik pelanggan yang ramai datang ke bazaria setiap malam, kecuali Isnin malam Selasa? Tidakkah operasi mereka menjejaskan peniaga dalam bazaria?